

17/02/2005

Felda nilai prestasi sebelum ke Bursa Malaysia

Oleh Zainab Mohd Yatim

FELDA Holdings Sdn Bhd, pemilik ladang antara yang terbesar di dunia, akan menumpukan kepada penilaian semula prestasi kilang, ladang dan pengurusannya sebelum menimbangkan sebarang cadangan penyenaaraiannya ke Bursa Malaysia.

Pengerusinya, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata Felda ketika ini memberikan keutamaan kepada meningkatkan mutu dan pengeluaran ladang dimilikinya.

"Keutamaan kami tahun ini adalah untuk mengkaji prestasi kilang yang kebanyakannya berusia lebih 30 tahun, sedangkan ia sumber utama pendapatan Felda.

"Kami juga sedang mengkaji prestasi ladang dan mutunya termasuk dari segi pengurusan.

"Jika semua ini berjaya dicapai, isu mengenai penyenaaraian tidak menjadi sesuatu yang sukar," katanya selepas pelancaran Felda D'Saji Sdn Bhd (Felda D'Saji) sebagai sebuah syarikat.

Turut hadir, Pengarah Urusan Felda Trading, Raja Sharifuddin Abidin dan Pengurus Besar Felda D'Saji, Ahmad Zaki Abdullah.

Felda Trading Sdn Bhd, anak syarikat Felda, memiliki 60 peratus kepentingan dalam D'Saji, manakala baki 40 peratus dimiliki Felda.

Syarikat yang mempunyai kegiatan teras dalam bidang penyediaan makanan itu ditubuhkan sebagai entiti korporat pada November tahun lalu dengan modal berbayar RM1 juta dan modal perniagaan sebanyak RM5 juta.

Rancangan menyenaaraikan Felda Holdings di Papan Utama Bursa Malaysia diumumkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2004.

Penyenaaraian itu jika dilaksanakan akan menjadikan Felda Holdings syarikat perladangan terbesar disenaraikan di dunia berikutan ia mempunyai tanah perladangan seluas kira-kira 354,000 hektar selain membeli hasil perladangan peneroka seluas 447,000 hektar.

Mohd Yusof berkata, cadangan penyenaaraian Felda Holdings hanya akan dibincangkan tahun depan.

"Isu penyenaaraian tidak termasuk dalam senarai keutamaan Felda kerana kami ada keutamaan lain. Pada masa ini, Felda tidak akan meneruskan cadangan mengenai penyenaaraian.

"Saya fikir tahun depan adalah masa sesuai untuk kami membincangkan perkara yang tidak dianggap sebagai keutamaan ketika ini, termasuk perkara mengenai penyenaaraian," katanya.

Mengenai peruntukan RM50 juta untuk membantu peneroka dan belia rancangan tanah Felda menceburi bidang keusahawanan, beliau berkata, setakat ini RM15 juta sudah disalurkan sebagai pinjaman.

Dana yang dilancarkan pada pertengahan 2002 itu menyediakan dua skim pinjaman tanpa faedah iaitu RM10,000 dan sehingga RM150,000.

Bagi pinjaman RM10,000, setiap peminjam diberi potongan 50 peratus sekiranya berjaya dalam perniagaan dan membayar dalam tempoh ditetapkan.

Mohd Yusof berkata, Felda mensasarkan untuk meningkatkan penyertaan peneroka dalam bidang keusahawanan kepada 30 peratus menjelang akhir tahun ini, berbanding 21 peratus ketika ini.

"Walaupun daripada segi jumlah pinjaman belum mencapai sasaran, tetapi pembabitian peneroka dan belia Felda dalam bidang keusahawanan menunjukkan petanda yang baik," katanya.

(END) Source : Berita Harian

